



Ruj. Kami : PSIS/500-3/5-4 ( 02 )

Tarikh : 21 hb Januari 2020

## Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri

Tuan/Puan,

### **IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19, POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan Jawatan berikut :-

- a) Jawatan** : Pekerja Sambilan Harian (PSH) Penjaga Jentera Elektrik J19  
**b) Jabatan** : Politeknik Sultan Idris Shah  
**c) Tempoh Perkhidmatan** : 1 tahun (Jawatan Sambilan)

- Kadar Upah** : RM54.00 sehari

*( Tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat )*

Ketua Jabatan dan PSH akan mencarum dalam Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

- Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - Terdiri daripada Warganegara Malaysia,
  - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup,
  - Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 ( Sistem Voltan Rendah ) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, iaitu – A0/A1
    - A4-2/A4-1/A4
    - B0-2/B0-1/B0/B1/B4,
  - Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan dan
  - Berkebolehan dalam mengendalikan Komputer.

4. **Taraf Jawatan :** Sambilan
5. **Deskripsi Tugas :** Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan elektrik 1994
6. **Cara Memohon :** Borang Permohonan Jawatan Kosong boleh didapati dilaman sesawang [www.psis.edu.my](http://www.psis.edu.my)
7. Permohonan hendaklah dihantar pada atau sebelum **31hb Januari 2020 (Jumaat)** ke alamat berikut:-

**Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Sungai Lang  
45100 Sungai Air Tawar  
Selangor**  
*Tel : 03-3806200  
Faks: 03-32806400*

8. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan semua sijil bagi kelayakan yang di syaratkan dan sekeping gambar berukuran passport.
9. Jabatan ini tidak akan melayan sebarang tuntutan perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.
10. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**( ZULKIFLI BIN MAT NASIR )**  
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik  
b.p Pengarah  
Politeknik Sultan Idris Shah  
Kementerian Pendidikan Malaysia.